

# PKS Jepun minat kembang teknologi di Malaysia

BH 29/7/03

PUTRAJAYA: Ahli perniagaan perusahaan kecil dan sederhana (PKS) Jepun memberi komitmen untuk terbabit lebih aktif dalam pelbagai sektor dan bidang teknologi di negara ini, kata Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi.

Timbalan Perdana Menteri berkata mereka menyatakan minat yang tinggi untuk mengembangkan kegiatan di Malaysia dan sedia ke sini untuk mencari peluang baru.

"Mereka juga sedia mengadakan usaha sama dan bekerjasama dengan usahawan PKS dari Malaysia...saya juga telah mengatakan kepada mereka supaya terbabit dalam bidang bioteknologi," katanya selepas menemui rombongan itu di Jabatan Perdana Menteri, semalam.

Kedatangan usahawan PKS itu ke negara ini ditaja Pertubuhan Perdagangan Luar Jepun (Jetro) dan Dewan Perdagangan dan Industri Jepun di Malaysia (Jactim). Pertemuan wakil 47 syarikat itu dengan Abdullah berlangsung selama sejam, diketuai Pengerusi dan Ketua Eksekutif Jetro, Osamu Watanabe.

Rombongan itu, yang tiba kelma-

rin, akan juga melakukan kunjungan hormat kepada Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini.

Sementara itu, Watanabe menyifatkan perbincangan dengan Abdullah sebagai 'sangat baik' dan kedua-dua pihak kini lebih jelas mengenai peluang yang ditawarkan Malaysia serta bidang yang mana usahawan PKS dapat mengembangkan perniagaan mereka.

Katanya, rombongan itu juga ke sini bagi mencari peluang eksport dan import komponen serta bahan mentah.

Pembabitan PKS Jepun di negara ini dapat menggalakkan dan mengukuhkan industri sokongan Malaysia.

Kedatangan mereka adalah susulan kejayaan pejabat Jetro di Kuala Lumpur mengatur pertemuan 41 firma utama pembuatan Jepun dengan PKS Malaysia pada sesi Padanan Perniagaan SMIDEX2003 di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC) baru-baru ini. Ia dianjurkan Perbadanan Pembangunan Industri Kecil dan Sederhana (Smidec).